

07/04/2002

Kak Engku manja di rumah mentua

Roslen Fadzil

DALAM keadaan semakin sarat pun, Raja Azura atau panggilan sinonimnya, Kak Engku, 29, masih lagi gagah memandu keretanya ke sana-sini. Bukan saja berulang alik antara Sri Pentas dan kediamannya di Bukit Jelutong, Shah Alam, Kak Engku juga gemar memandu ke mana saja kalau kakinya terasa hendak pergi.

Terseberempak Kak Engku berseorangan di Bangsar Shopping Complex, baru-baru ini tanpa suaminya, Adzmin, saya terus bertanya, "Amin (panggilan mesra untuk Adzmin) kat mana Zura?"

Lalu, mulalah Kak Engku bercerita dan seperti biasa, cakupnya macam peluru.

Kata pelakon Mat Despatch itu, sejak akhir-akhir ini, Adzmin kerap out-station termasuk terbang ke negara jiran atas urusan bisnes.

Kak Engku pula terpaksa berjauhan di ibu negara kerana masih terikat dengan jadual Melodi dan pada masa yang sama, terbabit dengan promosi Sistem Pesanan Suara (SMS) Grabix yang mendekatkannya dengan peminat menerusi telefon mudah alih.

Kebetulan, saya teringin membuat sesi fotografi Kak Engku bersama Adzmin di Bukit Jelutong, namun selepas diberitahu Adzmin sekarang berada di Kedah, lalu rancangan bertukar serta-merta.

Saya cadangkan bukankah lebih menarik kalau fotografi dibuat di kediaman mentuanya, Tan Sri Osman Aroff dan Puan Sri Azizah Abdul Hamid, di Jalan Menteri, Alor Setar?

Sehari selepas pertemuan itu, saya mendapat jawapan `Ya' daripada Adzmin dan Tan Sri Osman. Lalu kami menetapkan tarikh pertemuan pada 2 April lalu, jam 10 pagi.

"Haa, jemputlah masuk..." kata Kak Engku dan ibu mentuanya, Puan Sri Azizah sebaik saja membuka daun pintu pada hari pertemuan berkenaan, menyambut kami. Tidak lama selepas itu, Adzmin muncul dengan senyuman ditemani pembantunya, Aru.

"Sebenarnya, saya banyak travel sejak akhir-akhir ni. Ke Johorlah, Singapore, Penang dan Bangkok. Boleh dikatakan sebulan, cuma seminggu saja saya duduk di rumah. Memanglah dalam keadaan Zura sarat begini, saya kesian juga nak tinggalkan dia sorang-sorang. Tapi apa boleh buat, dah tugas.

"Lagipun waktu beginilah nak cari duit lebih sikit, maklumlah nak sambut anak sulung," kata Adzmin selaku pengarah Anfort Corporation Sdn Bhd.

Bercakap mengenai anak mereka itu, agak-agaknya lelaki atau perempuan?

"Doktor kata, baby ni mungkin perempuan. Tapi tak kisahlah, lelaki ke perempuan ke sebab yang penting dia anak sulung kami," kata Kak Engku yang bertambah montel dengan berat mencecah 65.9 kilogram. Waktu anak dara dulu, beratnya sekitar 49 kilogram saja.

Rancak berbual-bual, akhirnya, Tan Sri Osman muncul dengan wajah yang segar. Beliau tampak sihat dan seperti Adzmin, mudah melemparkan senyum.

"Apa khabar?" sapa beliau lalu bersalaman.

"Jomlah kita breakfast dulu, sambil tu boleh sembang-sembang," kata Tan Sri Osman. Sambil menikmati karipap, nasi lemak dan onde-onde, Azura melayan kami.

Tan Sri Osman mengaku dia memang seronok kalau anak menantunya dapat pulang ke Kedah. Memandangkan semuanya sibuk bertugas, waktu bersama keluarga memang beliau rindui.

"Dulu bila anak-anak masih kecil, kami selalu bersama. Sekarang semua

dah besar dan ada tanggung jawab masing-masing. Biasanya waktu raya atau musim cuti saja kami sekeluarga dapat berkumpul.

"Saya pula sibuk dengan tugas tapi kenalah tahu bahagikan masa. Bisnes saya di KL tapi politik saya di Kedah, terutama menjaga kawasan PM di Kubang Pasu.

"Apapun, saya selesa dengan kehidupan sekarang. Kalau ada masa lapang pun, saya cuma hayun kayu golf," kata Tan Sri Osman.

Selain Adzmin, pasangan Tan Sri Osman, 61, dan Puan Sri Azizah, 57, juga dikurniakan tiga lagi anak - Jeffril, 33; Rizal, 32, dan Ilena, 31.

Ditanya mengenai Raja Azura, Tan Sri berkata, "Saya memang kenal Zura sebagai seorang artis. Tapi saya tak ikut sangat perkembangan dunia hiburan. Kalau tengok TV pun, saya lebih suka Berita, CNN dan bola sepak."

Ibu mentua Kak Engku pula berkata, beliau kerap menonton lakonan menantunya itu terutama melalui Mat Despatch dan Melodi.

"Waktu lapang, saya suka memasak. Kalau Amin, Zura atau anak-anak lain ada, bolehlah masak lebih sikit. Kalau tidak, membazir pula," kata beliau yang pandai menyediakan resipi Gulai Itik Nila, Kerabu Mentah dan Putu Mayam Goreng.

Celah Tan Sri pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga cukup gemarkan Kerabu Mentah yang mereka sediakan.

Selain itu, mereka sekeluarga sukakan kucing dan memelihara beberapa ekor daripada baka Siam dan Parsi. Asalnya, banglo itu dipenuhi 20 kucing tetapi sekarang cuma tinggal 10 saja termasuk yang paling manja, Koshino.

Mengenai cucu yang bakal lahir dalam tempoh tiga bulan lagi, Tan Sri Osman gembira kerana itu adalah cucu keduanya selepas Mohd Fatihin, 9, (anak Jefrill).

Adzmin pula berkata, kalau tiada aral, dia teringin melihat Azura melahirkan anak mereka di Kedah.

"Yalah, kita ni kan orang Kedah. Jadi, kalau boleh, biarlah surat beranak anak kita pun ditulis... Tempat lahir: Alor Setar, Kedah," kata Adzmin tertawa.

Kak Engku hanya tersenyum mendengar kata suaminya itu. Yang pasti, Kak Engku sekarang sudah mula bercuti hingga Ogos nanti dan minggu lalu adalah minggu terakhirnya menghoskan Melodi.

(END)